

ASMARA kolaboratif dengan universiti luar negara

ASMARA merupakan badan penganjur bagi program-program pengajian di peringkat diploma lanjutan, profesional dan sarjana (MBA) yang dikenali sebagai CEO MBA. Sebagai penganjur, ASMARA turut bekerjasama dengan beberapa universiti dari dalam dan luar negara termasuk Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Warsaw Management University, Poland. Menurut Noraini, kolaboratif itu adalah kerjasama dua hala dalam menyediakan program-program pendidikan berasaskan formula gabungan akademik, kreativiti dan bahasa ketiga.

Antara kursus yang ditawarkan adalah Diploma Profesional Keusahawanan, Diploma Profesional Kuliner Kreatif, Diploma Profesional Perniagaan Pelancongan, CEO DBA dan CEO MBA.

Melalui program itu, pelajar akan mengikuti pengajian di Kuala Lumpur, namun majlis graduasi diadakan di universiti yang berkolaborasi dengan ASMARA di luar negara yang terletak di Poland dan United Kingdom.

"Di sini kami berperanan membantu lebih ramai masyarakat melanjutkan pengajian di samping memenuhi permintaan tinggi graduan yang holistik bagi pasaran pekerjaan dan keusahawanan Malaysia serta serantau.

"Program pengajian yang ditawarkan pula dalam bentuk modular, iaitu kelas hanya diadakan pada Sabtu dan Ahad, sekali pada setiap bulan. Ini sekali gus memberi peluang dan ruang yang luas kepada golongan bekerjaya melanjutkan pelajaran.

"Tanun ini kami sasarkan seramai 200 pengambilan pelajar terdiri daripada 100 pelajar diploma dan ijazah sarjana muda dan selebihnya pelajar peringkat sarjana dan doktor falsafah," katanya.

Tambah Noraini, usaha yang dilakukan ASMARA adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan lebih banyak peluang pendidikan kepada

rakyat Malaysia dalam menuju e-ekonomi sekali gus



PROGRAM Diploma Profesional Kuliner Kreatif menitikberatkan kreativiti pelajar.

meningkatkan indeks pendidikan negara. "Indeks pendidikan negara berada pada tahap rendah. Ini kerana rata-rata rakyat negara ini sekadar cukup melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda sahaja. Ramai yang tidak mahu menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi seperti sarjana atau doktor falsafah," katanya.

Persepsi

Sebaik dilantik mengetuai ASMARA, cabaran pertama dihadapi Noraini adalah menangani persepsi masyarakat bahawa pendidikan itu bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata.

"Peranan kami adalah untuk membuka fikiran masyarakat dan mendidik mereka bahawa pendidikan itu tanggungjawab individu. Keinginan untuk berjaya terletak pada diri sendiri dan kerajaan hanya memberi pilihan tempat pengajian.

"Kerana itu kami mahu lebih ramai meningkatkan tahap pendidikan mereka. Dari memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), lanjutkan pelajaran ke diploma, ijazah sarjana muda seterusnya ke peringkat sarjana dan sebagainya," katanya.

Tambahnya, pendidikan tidak harus terhenti, kerana itu ASMARA menawarkan program yang bersesuaian dengan mereka yang mempunyai kekangan masa atau masalah kewangan.

Sebagai contoh program CEO DBA yang ditawarkan khas untuk mereka yang mempunyai pengalaman kerja dan berumur 30 tahun dan ke atas sahaja.

"Ini adalah peluang untuk mereka meningkatkan profil pendidikan. Jadi tiada alasan untuk mereka tidak menyambung pelajaran.

"Kita tidak mahu, demi mencantikkan profil pendidikan ada yang sanggup membeli sijil.

Sedangkan di sini kami memudahkan mereka melanjutkan pelajaran tanpa perlukan hadir ke kelas setiap hari," katanya.

Nilai tambah

Sebagai penganjur pendidikan, ASMARA amat mementingkan kreativiti serta memberi nilai tambah pada setiap programnya termasuk penggunaan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing kedua yang digunakan oleh penduduk dunia selepas bahasa Mandarin.

"Ini adalah nilai tambah yang disediakan bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka. Selain itu, kami juga membantu mereka bagaimana untuk menjana pendapatan menerusi bidang kursus yang

mereka ambil.

"Sebagai contoh, bagi program Diploma Profesional Kuliner Kreatif, kami tidak ajar membuat kek, sebaliknya dekorasi kek dan bagaimana menjalankan perniagaan atas talian," katanya.

Tambah Noraini, tenaga pengajar yang disediakan pula dipilih daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan lapangan kerjaya itu sendiri.

Hala tuju

Menjadi hasrat ASMARA untuk menjadikan pendidikan bersifat percuma di mana pembayaran yuran dibuat melalui pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau zakat.

Noraini yakin melalui program yang ditawarkan, ia mampu menyumbang ke arah peningkatan indeks pendidikan negara.

"Kami ingin membantu mereka yang berpendidikan rendah tetapi mempunyai pengalaman kerja mendapat pendidikan tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Tiada lagi alasan untuk belajar dan mengekang mereka mendapatkan pendidikan tinggi kerana masa kursus yang ditawarkan amat fleksibel," katanya.

Bagi Noraini, membantu orang ramai mendapat pendidikan lebih tinggi adalah sebahagian daripada tanggungjawab yang dipikul.

"Bukan mudah berada di kerusi ini. Dengan berlatar belakangkan bidang komunikasi korporat, saya tidak pernah terlintas difikirkan akan menjawat jawatan ini hari ini.

"Namun, untuk merealisasikan hasrat ini, pentingnya jenama ASMARA ini terus kukuh sebagai badan penganjur pendidikan yang terbaik," katanya.



PARA pelajar menjalani majlis graduasi yang dijalankan di universiti-universiti yang berkolaboratif dengan ASMARA. Universiti itu terletak di Poland dan United Kingdom.



NORAINI